

Jurnal **جوهر** *Bahasa*

ISSN 2070-1314

Bil. 38

**CIRI KECANTIKAN WANITA MELAYU MALAYSIA:
ANALISIS SEMANTIK LEKSIKAL**

**MAKLUMAT LAMA DAN RAGAM KERJA BAHASA MELAYU:
ELIPSIS FRASA NAMA ATAU FOKUS KATA KERJA**

**"HARUAN MAKAN ANAK": ANALISIS KOMPARATIF LAPORAN
KES-KES JENAYAH SEKSUAL KANAK-KANAK DALAM AKHBAR
MELAYU DAN INGERIS DI BRUNEI DAN MALAYSIA**

**PESAN DAKWAH PADA MEDIA RUANG PUBLIK DI KOTA
PEKANBARU, INDONESIA**

Jurnal Bahasa



ISSN 2070-1314

Bil. 38

PEMANGKU PENGARAH

Suip Haji Abdul Wahab

PEMANGKU TIMBALAN PENGARAH

Mohd Azurin Othman

KETUA BAHAGIAN PEMBINAAN DAN PENGEMBANGAN BAHASA

Hajah Sariani Haji Ishak

PEMANGKU KETUA BAHAGIAN PENERBITAN DAN PEMASARAN

Pengiran Hajah Rosenani Pengiran Haji Halus

KETUA BAHAGIAN SENI LUKIS DAN REKA BENTUK

Haji Muhammad Sofiyuddin Haji Sani

PEMANGKU KETUA BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN OPERASI

Hurul'Ain Nukhbah Rabaha

EDITORIAL

Pengiran Hajah Rosenani Pengiran Haji Halus

Hajah Annisa Haji Moxsin

Masni Moktal

Hajah Rosmariah Haji Alli

jurnalbahasa.bruneidarussalam@gmail.com

PENYELARAS PENERBITAN

Maysalamah Haji Hitam

Asmah Haji Abdullah

Hajah Rosni Sewal

PENYELARAS REKA BENTUK

Haji Muhammad Sofiyuddin Haji Sani

PENYELARAS MAKALAH

Nur Haffizah Haji Md. Adam

Umy Hardiwaty Bukhari

Hajah Roselinawati Haji Mumin



Jurnal Bahasa diterbitkan enam bulan sekali oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam. Dicitak oleh Syarikat Perniagaan dan Perkhidmatan Percetakan EZY Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam. Atur huruf dan reka bentuk oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Semua hak cipta © 2019 terpelihara. Sidang editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima tanpa mengubah isinya. Semua artikel yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan pendapat mutlak dan sikap *Jurnal Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka memiliki hak untuk menerbitkan semula artikel yang diterbitkan dalam sebuah buku, sama ada penerbitan kompilasi artikel yang ditulis oleh seorang penulis atau kompilasi artikel yang ditulis oleh beberapa orang penulis. Manakala penerbitan semula artikel oleh pihak kedua dibenarkan oleh Pengarah dengan syarat pihak kedua perlu membayar lesen penerbitan karya kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Semua tulisan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau sebaliknya, tidak akan dikembalikan kepada penulis. Penerbit tidak bertanggungjawab terhadap sebarang dakwaan atau tuntutan undang-undang terhadap artikel yang mengandungi unsur-unsur plagiat dan menyentuh isu politik.

URUSAN LANGGANAN, JUALAN DAN PEMASARAN

Bahagian Penerbitan dan Pemasaran
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Jalan Pembangunan
Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam

Tel: 2382511 sambungan 199, 200, 203
Faks: 2381817

Bahasa Editor ..

**KETIDAKATURAN
BAHASA MELAYU**
Ruhana Radin

**CIRI KECANTIKAN
SEMANTIK LEKSI**
Indirawati Zahid

**MAKLUMAT LAMA
ELIPSIS FRASA NA**
Sato Hirobumi @ Rai
Manavavee Mamah
Ahmad Ramizu Abd

**"HARUAN MAKAL
LAPORAN KES-KE
DALAM AKHBAR
MALAYSIA**
Sharifah Nurul Hud
James McLellan
Nazib Noorashid

**PENELITIAN LEKS
CIRI-CIRI KEISTIM
SATU KAJIAN SEM**
Aini Haji Karim

**PESAN DAKWAH I
PEKANBARU, IND**
Fatmahwati A

KANDUNGAN

<i>Bahana Editor</i>	5
KETIDAKATURAN SISTEM PENGEJAAN KATA PINJAMAN BAHASA MELAYU ERA KINI	7
Ruhana Radin	
CIRI KECANTIKAN WANITA MELAYU MALAYSIA: ANALISIS SEMANTIK LEKSIKAL	21
Indirawati Zahid	
MAKLUMAT LAMA DAN RAGAM KERJA BAHASA MELAYU: ELIPSIS FRASA NAMA ATAU FOKUS KATA KERJA	37
Sato Hirobumi @ Rahmat Manavavee Mamah Ahmad Ramizu Abdullah	
"HARUAN MAKAN ANAK": ANALISIS KOMPARATIF LAPORAN KES-KES JENAYAH SEKSUAL KANAK-KANAK DALAM AKHBAR MELAYU DAN INGGERIS DI BRUNEI DAN MALAYSIA	67
Sharifah Nurul Huda Alkaff James McLellan Nazib Noorashid	
PENELITIAN LEKSIKAL DIALEK MELAYU BRUNEI, CIRI-CIRI KEISTIMEWAAN DAN PEMBENTUKANNYA: SATU KAJIAN SEMULA	102
Aini Haji Karim	
PESAN DAKWAH PADA MEDIA RUANG PUBLIK DI KOTA PEKANBARU, INDONESIA	125
Fatmahwati A	

**PENGGUNAAN KATA ADJEKTIF DALAM BAHASA MELAYU
DAN BAHASA INGGERIS 140**

Mohammad Hazwan Syafiq Jamaluddin
Nur Husnina Asyiqin Asnan
Hajah Nur Hamizah Haji Karim

Bahana E

Bahasa Me
sedar usi
Darussala
bagaan Negeri I
2019. Meniti rer
berliku, bahasa l
penyebarannya.
usaha pemelaha
tidak ada titik
Jurnal Bahasa ba
gagasan teori ba
kedaulatan baha
aspek yang perlu
mengemukakan
gunaan bahasa
penulis. Dengan
para pengkaji ini
serius akan kritik

Bahana Editor

Bahasa Melayu merupakan bahasa jiwa dan nadi bangsa. Sedar tak sedar usia bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Negara Brunei Darussalam berdasarkan catatan pendaulatannya dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959, telah mencecah usia jubli intan pada tahun 2019. Meniti rentang waktu yang begitu panjang, penuh cabaran, serta berliku, bahasa Melayu terus dipelihara dan diperkasa penggunaan serta penyebarannya. Sepanjang usianya menjadi bahasa rasmi negara, usaha-usaha pemeliharaan, penyebaran, dan pemerksaan bahasa Melayu tidak ada titik hentinya. Misalnya dalam karya-karya ilmiah melalui *Jurnal Bahasa* banyak mengungkapkan senario, hasil penyelidikan, dan gagasan teori baharu demi kelangsungan masa depan, keagungan dan kedaulatan bahasa Melayu tercinta. Namun demikian, masih banyak aspek yang perlu digarap. Oleh yang demikian, *Jurnal Bahasa* Bil. 38 akan mengemukakan pelbagai kritikan, gagasan, dan sorotan ketirisan penggunaan bahasa Melayu hari ini melalui tujuh artikel dari perspektif penulis. Dengan adanya gagasan dan wawasan yang dikemukakan oleh para pengkaji ini, diharapkan generasi hari ini akan peka dan memandang serius akan kritikan-kritikan yang dibentangkan.

Hajah Norati Bakar

MAKLUMAT LAMA DAN RAGAM KERJA BAHASA MELAYU: ELIPSIS FRASA NAMA ATAU FOKUS KATA KERJA

Sato Hirobumi @ Rahmat*

Manis2bongok@gmail.com

Manavavee Mamah

kuanno_reel12@yahoo.com

Ahmad Ramizu Abdullah

ramizu@um.edu.my

This paper discuss the ellipses of noun phrases that are assumed to be in the compound sentences of Malay. These phenomena of ellipses have long been questioned by the Dutch and English scholars since the 19th century but today's Malay grammar textbooks do not show the effect of referring to the fruits of their studies. We found various pattern of the ellipses of noun phrases in the compound sentences of Malay that do not fit the explanations of Malay grammar textbooks used widely as a guide now. Among these, there are some patterns of compound sentences that will produce odd answers if those explanations are applied to them. This means that contemporary scholars do not look at the facts of Malay. These pattern involve the grammatical voice of Malay verbs. The ellipsis of noun phrase is actually an assumption that is put forward to clarify the function of the noun phrases that carry the old information in the compound sentences in terms of economy of language. We should not ignore a hypothesis that it is not an ellipsis of noun phrase that occurs in the compound sentence but the predicate verb in the following clause focus on a phrase that it refers to in the preceding clause of the compound sentence. In other words, only lexical information contained in a noun phrase is shared between the clauses of a compound sentence without involving

* Dr. Sato Hirobumi @ Rahmat, Profesor undangan, Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial, Universiti Yala Rajabhat (YRU), Thailand, dan Penyelidik, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM), Malaysia. Manavavee Mamah, Pensyarah, Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial, Universiti Yala Rajabhat (YRU), Thailand. Dr. Ahmad Ramizu Abdullah, Pensyarah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM), Malaysia.

the grammatical cases of a noun that are only assumed in the analyses of Malay sentences.

Keywords: ellipsis of noun phrase, ergative construction, focus of verb, grammatical cases of nominals, semantic role, syntactical function

PENDAHULUAN

Makalah ini ditujukan khusus kepada guru bahasa Melayu atau Indonesia.¹ Tema utamanya berkisar pada pola ayat majmuk yang terabai dalam pendidikan bahasa Melayu, iaitu satu fenomena pengguguran frasa nama dalam ayat majmuk yang terdapat dalam hubungan antara maklumat lama dengan kata kerja predikat. Fenomena ini sudah dibahasakan secara serius sejak abad ke-19, iaitu dalam karya J.J. de Hollander yang bertajuk *Handleiding bij de Beoefening der Maleische Taal en Letterkunde* (1882, edisi kelima) dari negara Belanda dan juga karya R.O. Winstedt yang bertajuk *Malay Grammar* (1913) dari negara Inggeris.²

Karya Hollander dan Winstedt tersebut hampir tidak diperhatikan lagi di rantau Melayu sejak pertengahan abad ke-20. Malahan sarjana tempatan yang muda tidak tahu kewujudan karya mereka yang penuh dengan hasil penelitian yang tidak terjangkau oleh pengkaji yang aktif pada awal abad ke-21 sekarang. Karya zaman dahulu dihasilkan oleh pengkaji yang sesungguhnya menatapinya fakta bahasa Melayu, sedangkan banyak karya zaman sekarang hanya mengulang catatan buku yang sedia ada tanpa sebarang kritikan sehingga keadaan ilmiah ini menjejaskan mutu buku teks tatabahasa bahasa Melayu.

Pandangan terhadap tatabahasa bahasa Melayu yang terbentang dalam pelbagai karya ilmiah pada zaman dahulu seperti Hollander (*ibid.*) dan Winstedt (*ibid.*) belum tentu ketinggalan zaman, sebaliknya dapat dikatakan masih mempunyai nilai ilmu yang segar, dibandingkan dengan karya baharu yang bermunculan pada awal abad ke-21. Kita tidak boleh mengkritik karya zaman dahulu atas alasan pengkaji zaman dahulu tidak menggunakan teori tatabahasa yang kukuh.

Makalah ini membincangkan satu fenomena penghematan unsur

1 Seterusnya nama bahasa Melayu digunakan untuk mewakili bahasa Indonesia di Republik Indonesia dan juga bahasa Melayu yang dituturkan di Brunei Darussalam, Malaysia, dan Republik Singapura.

2 Sebelum karya Hollander (1882, edisi kelima) dan Winstedt (1913) diterbitkan, sudah terdapat beberapa karya oleh orang Eropah yang memperkenalkan tatabahasa bahasa Melayu. Karya yang ada pada kami pada saat ini ialah G.H. Werndlj (1736), C. van Angelbeek (1823) yang memperbaharui karya G.H. Werndlj [kedua-dua karya ini ditulis dalam bahasa Belanda], dan W. Marsden (1812) [karya ini ditulis dalam bahasa Inggeris, dan terdapat terjemahannya dalam bahasa Belanda dan bahasa Perancis]. Namun, ketiga-tiga karya ini patut dinilai sebagai buku pengenalan tatabahasa bahasa Melayu, bukan karya yang dikaji untuk pendidikan tatabahasa bahasa Melayu.

sintaksis yang menghubungkan maklumat lama dengan kata kerja bahasa Melayu, berdasarkan pemerhatian dalam karya tatabahasa yang diusahakan oleh pengkaji yang aktif dari abad ke-19 hingga pertengahan abad ke-20. Tema ini sebenarnya masih belum dapat diselesaikan oleh pengkaji zaman sekarang, juga yang terlatih dengan pelbagai teori linguistik yang terbaharu.

Guru bahasa Melayu yang pernah mempelajari subjek linguistik di institut pengajian tinggi atau universiti telah dididik dalam lingkungan ilmu yang terlalu menekankan sesuatu teori linguistik yang adakalanya sedar tak sedar mengetepikan fakta bahasa Melayu yang tidak sesuai dengan teori itu. Pandangan Teoh Boon Seong mengingatkan kita akan pentingnya sikap pengkaji: “sebagai ahli bahasa (linguis) kita seharusnya menjelaskan sesuatu fenomena (bahasa dalam hal ini) seperti adanya dan bukan seperti seharusnya atau sepatutnya” (2000:108).

Dalam erti kata yang demikian, perbincangan dalam makalah ini diharapkan akan membekalkan suatu fakta bahasa Melayu yang tersembunyi kepada guru bahasa yang aktif dalam arena pendidikan bahasa.

MASALAH KAJIAN

Struktur ayat majmuk bahasa Melayu dianalisis dari sudut penghematan unsur yang memegang fungsi sintaksis yang sama antara klausa. Penghematan subjek atau objek yang sama, misalnya dapat diringkaskan seperti dalam pola (A) dan (B), dan guru sudah terbiasa memperkenalkan ayat majmuk untuk memenuhi keperluan pola ini secara teknikal:

Pola (A): {Subjek₁ + Predikat₁ (KK_{j1} • Objek₁)} + {Subjek₁ + Predikat₂ (KK_{j2} • Objek₁)}
= (**Subjek₁**) {Predikat₁ (KK_{j1} • **Objek₁**) + Predikat₂ (KK_{j2} • **-nya₁**)}

(Bapa memborong buah kelapa) + (Bapa mengangkut buah kelapa ke kedai runcit)
= (**Bapa**) {(memborong *buah kelapa*) lalu (mengangkut-nya ke kedai runcit)}.

Pola (B): {Subjek₁ + Predikat₁ (KK_{j1} • Objek₁)} + {Subjek₁ + Predikat₂ (KK_{j2} • Objek₁)}
= (**Subjek₁**) {Predikat₁ (KK_{j1} • **O₁**) + Predikat₂ (KK_{j2} • **Objek₁**)}

(Mereka mendirikan pancang) + (Mereka memacakkan pancang ke tanah)
= (**Mereka**) {(mendirikan **O**) dan (memacakkan *pancang* ke tanah)}.

Namun, pemerhatian terhadap unsur yang memegang fungsi sintaksis yang sama antara klausa seperti yang diringkaskan dalam pola (A) dan (B) dapat menerangkan struktur penggantian atau pengguguran unsur sintaksis yang dikongsi bersama itu dalam ayat [a] – [c]?:

- [a] *Baba itu*₁ menggosok dadanya kembali dan kemudian *O*₁ mengambil *piring*₂ dari tumpukan piring di atas meja, *O*₂ digosok-*nya*₁ dengan kain itu juga.

(*Senja di Jakarta*, hlm. 32)

- [b] *Gadis Pantai*₁ turun dari ranjang. Diperiksa-*nya*₁ seluruh lemari dan laci, dikunci-*nya*₁ yang belum terkunci, *O*₁ meninggalkan kamar menuju ke kebun belakang.

(*Gadis Pandai*, hlm. 84)

- [c] Bunyi gesekan gergaji besi itu begitu mengilukan. Dan **gesekan halus itu**₁ memancarkan **bunga-bunga api berwarna merah dan kuning**₂; *O*₂ memercik tajam-tajam, lalu *O*₂ hilang sebelum *O*₂ sempat jatuh ke tanah.

(*Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*, hlm. 38)

Ketiga-tiga ayat ini rasanya betul dari segi tatabahasa dan natural dalam gaya bahasa Melayu. Pola ayat yang sedemikian memang terdapat dalam pelbagai jenis karya bahasa Melayu. Namun, jika unsur sintaksis yang dianggap digugurkan dalam gatra O itu disusun semula mengikut persamaan fungsi sintaksis dalam struktur pola ayat [Subjek + Predikat] yang melibatkan ragam kerja, akan terlahir jawapan yang ganjil di depan mata kita.

Tatabahasa yang digunakan secara meluas di sekolah seolah-olah menganjurkan kelahiran jawapan yang ganjil itu. Maksudnya, jawapan ayat [a]: subjek terhadap kata kerja aktif *mengambil* ialah FN *Baba itu*, maka subjek terhadap kata kerja pasif *digosok* juga FN *Baba itu* yang digugurkan? Begitu juga dengan jawapan ayat [b]: subjek terhadap kata kerja pasif *diperiksanya* ialah FN *seluruh lemari dan laci* dan FN *yang belum terkunci*, maka subjek terhadap kata kerja aktif *meninggalkan* ialah FN *seluruh lemari dan laci* dan FN *yang belum terkunci* yang digugurkan? Jawapan ayat [c] juga serupa: subjek terhadap kata kerja aktif *memancarkan* ialah FN *gesekan halus itu*, maka subjek terhadap kata kerja intransitif *memercik*, *hilang*, dan *jatuh* ialah FN *gesekan halus itu* yang digugurkan?

Jika kita terkongkong dengan apa yang disebut aturan pengguguran unsur sintaksis yang sama antara klausa dalam ayat majmuk itu, sifat natural bahasa Melayu akan hancur oleh aturan yang dicipta oleh pengkaji sendiri yang mengetepikan fakta bahasa itu. Hal ini jarang disedari oleh guru dan pengkaji bahasa Melayu pada zaman sekarang.

Pembaca yang arif sudah pasti merasai keganjilan jawapan yang tersebut. Frasa nama yang menjadi rujukan maklumat lama itu ditebalkan bersama nombor dalam ayat [a] – [c] masing-masing, dan gatra yang ditandai dengan tanda O bersama nombor itu dapat diisi dengan rujukan maklumat lama yang tidak dinyatakan dalam bentuk lahir ayat masing-masing.

Apakah yang menyebabkan pergeseran jawapan antara tatabahasa yang digunakan di sekolah dengan tatabahasa yang diamalkan oleh penutur bahasa Melayu secara natural? Dapatkah diberikan penilaian bahawa pengarang ayat [a] – [c] mengarang ayat sekehendak hati mereka sahaja dengan melanggar tatabahasa? Pola ayat [a] – [c] itu bukan hanya muncul dalam novel moden tetapi dapat dilihat dalam karya sastera klasik, seperti dalam karya *Hikayat Hang Tuah* (HHT). Misalnya, pola ayat [b] menarik perhatian kami:

[d] Maka Megat Terengganu pun beraraklah dengan segala bunyi-bunyian. (i) *Adapun Megat Terengganu₁ berjalan itu gajahnya dihentikan-nya₁ O₁ menyuruhkan segala orangnya bermain segala bunyi-bunyian.* Apabila ia bertemu dengan kampung orang kaya-orang kaya sana, Megat Terengganu berhentikan gajahnya dan menyuruhkan segala hulubalang bermain lembing perisai; ada yang bermain pedang, terlalu ramai.

(*Hikayat Hang Tuah*, 236)

[e] Maka *Sang Kertaksa₁* pun berjalanlah masuk ke dalam kampung Laksamana itu lalu berjalan ke rumah Laksamana. (i) *Maka dibelah-nya₁ pagar rumah Laksamana itu lalu O₁ masuk ke bawah rumah: maka dihintainya.³*

(*Hikayat Hang Tuah*, 268)

Ayat [b] yang dipetik daripada bahasa Melayu moden menyerupai ayat majmuk [d](i) dan [e](i) yang dipetik daripada karya bahasa Melayu

3 Perlu diperhatikan bahawa HHT (1956, edisi Balai Pustaka) menggunakan gaya: *Maka dibelahnya pagar rumah Laksamana itu, lalu ia masuk ke bawah rumah* (263).

klasik *HHT*. Maksudnya, FN pelaku (*agent*) yang beraneksi dengan kata kerja berpersona dalam bentuk *dihenti-hentikan-nya* dan *dibelah-nya* digugurkan di gatra O_1 dalam ayat [d](i) dan [e](i).

Bahasa Melayu ternyata memperlihatkan ciri khas dalam pola penggantian atau pola pengguguran frasa nama yang membawa maklumat lama, iaitu ciri pola ayat yang tidak dapat diterangkan dengan pola (A) dan (B) sahaja. Akan tetapi, buku teks tatabahasa yang diterbitkan sejak 1970-an hingga sekarang tidak pernah memperkenalkan hal ini, dan kebanyakan guru dan pengkaji bahasa Melayu sendiri barangkali tidak menyedarinya. Makalah ini membincangkan masalah pengguguran frasa nama yang sama yang berlaku dalam ayat majmuk.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Tema kajian ini pada mulanya diperkenalkan oleh Hollander (1882) dan Winstedt (1913). Pemerhatian mereka tertumpu kepada fenomena pengguguran frasa nama yang dikongsi bersama dalam ayat majmuk tetapi frasa nama itu menurut mereka, memperlihatkan perbezaan fungsi sintaksis. Kajian ini dilanjutkan oleh ramai pengkaji dari Belanda, seperti Spat (1920), Mees (1938), dan Emeis (1945, 1946). Gonda (1943) pula membandingkan hasil kajian ragam kerja yang diusahakan pengkaji-pengkaji lain, dengan memfokuskan fungsi kata predikat bantu (*hulppraedicaatswoorden*) yang bergabung dengan bentuk kata kerja transitif yang dinamakan ragam kerja pasif. Lalu kajian ini muncul sekali lagi dengan wajah baharu dalam Mees (1969).

Kajian fenomena pengguguran frasa nama yang dikatakan memperlihatkan perbezaan fungsi sintaksis sebenarnya dapat dikaitkan dengan kajian ragam kerja untuk meneliti struktur ayat bahasa Melayu tanpa diasaskan pada kerangka ayat bahasa Eropah, terutama bahasa Inggeris yang merupakan satu-satunya pengetahuan bahasa asing bagi kebanyakan pengkaji tempatan pada zaman sekarang.

Namun, sejak tahun 1970-an tidak muncul buku teks tatabahasa dalam arena pendidikan bahasa Melayu yang memperkenalkan tema kajian makalah ini. Dapat dikatakan bahawa Bambang Kaswanti Purwo (1984) sahaja yang menatapi tema ini secara serius, dan Sato (2000, dan seterusnya) meneruskan kajian itu.⁴ Makalah ini merupakan usaha lanjutan untuk memperdalam pola ayat yang diperkenalkan oleh Sato (*ibid.*).

LANGKAH KAJIAN

Kajian ini akan melihat tindakan frasa nama yang membawa maklumat

4 Bambang Kaswanti Puro mengumumkan hasil kajian tema ini dalam pelbagai bentuk sebelum dan selepas karya (1984).

lama dalam ayat majmuk. Contoh yang diperkenalkan terdapat dalam banyak karya dan tidak perlu direka-reka untuk tujuan kajian.

Pertama-tama (ANALISIS [I]), pola ayat [1] dibandingkan dengan pola ayat [2]. Pola ayat [1] dapat diterangkan berdasarkan penggantian maklumat lama dengan kata ganti nama diri, tetapi pola ayat [2] sukar kerana FN objek dalam klausa yang terdahulu digugurkan di posisi gatra yang berfungsi sebagai subjek terhadap kata kerja pasif dalam klausa yang menyusul. Untuk menyelesaikan pola ayat [2] ini, masalah ragam kerja akan dikaji untuk menentukan fungsi kasus nama dari segi sintaksis.

Pada tahap yang kedua (ANALISIS [II] – ANALISIS [III]), pola ayat [7] memegang kunci tatabahasa dalam hal yang tersebut. Sato (*ibid*) telah mengemukakan satu idea bahawa ragam kerja yang dinamakan ragam kerja pasif itu sebaiknya dikaji dalam Konstruksi Ergatif. Namun, frasa nama bahasa Melayu yang tidak memperlihatkan kasus nama secara morfologi perlu dinilai sekali lagi.

Pada tahap yang ketiga (ANALISIS [IV]), jawapan yang diberi pada tahap yang kedua akan dapat diaplikasikan kepada pola ayat [2] – [3]. Dalam hal ini, pelaku yang beraneksi dengan pokok verbal mengembangkan analisis konstruksi ergatif. Unsur pelaku dapat muncul dalam bentuk kata nama atau kata ganti nama diri. Kata ganti nama diri yang berbentuk klitik *-nya*, misalnya, dikatakan oleh sesetengah pengkaji menunjukkan kasus morfologi. Bentuk enklitik ini memperlihatkan perubahan fonologi mengikut lingkungan sintaksis, seperti dalam pasangan *dia* : *-nya* yang diberi bunyi gusi /d/ (< d + ia) dan /n/ (< n + ia) di awal kata masing-masing.

Terakhir (ANALISIS [V]), pola ayat [4], [5], dan [6] sesungguhnya bermanfaat untuk melihat ciri khas yang terdapat pada fenomena pengguguran frasa nama dalam kerangka ayat bahasa Melayu yang tidak diperhatikan dalam buku teks tatabahasa. Pengguguran frasa nama yang membawa maklumat lama perlu diteliti lagi dalam ayat majmuk. Ada sebuah hipotesis bahawa bukan pengguguran frasa nama yang berlaku dalam ayat majmuk tetapi kata kerja predikat dalam klausa yang menyusul memfokuskan frasa nama yang dirujuknya sahaja.

- [1] *Senah*₁ membawa *piring ayan itu*₂ lalu *O*₁ meletakkan-*nya*₂ di depan Mat Junuh.

(*Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*, hlm. 56)

- [2] *Anak itu*₁ membungkus *beras*₂ dua liter dan *O*₂ diletakkan-*nya*₁ di atas meja di depan perempuan itu.

(*Jalan Tak Ada Ujung*, hlm. 5)

- [3] Kemudian diambil-nya₁ (= Arman) *dua buah kotak korek api*₂ dari tasnya dan O₁ menuju ke mesin jahit ibunya.

(Telepon-teleponan, hlm. 25)

- [4] *Ramli*₁ sudah beberapa kali menanam *anak-anak kelapa*₂ di tempat itu sebagai ganti, tetapi O₂ tidak pernah hidup.

(Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman, hlm. 44)

- [5] *Unggun api*₁ dinyalakan oleh bapanya dan anak-anak buahnya agar O₁ dapat menerangi malam yang gelap.

(Okong Srikandi Sungai, hlm. 33)

- [6] Bagaimana *memaku*_(n) sepatu itu supaya O_(n) tidak mengenai kaki? (Nota: kata kerja terbitan *memaku* < kata nama dasar *paku*)

(Sepatu, hlm. 4)

Tambahan:

- [7] "Pertanyaan dibuat untuk dijawab, Abdullah," suaranya menurun jadi lembut kembali. "Berapa tahun kau sudah tinggal di sini? Tujuh? Kau tak mau jawab pertanyaanku?"

(a) *Jawabanmu mau kudengar*. Hanya jawaban. Kau takkan rugi apa-apa."

(Gadis Pandai, hlm. 77)



Buaya jantan yang berjaya ditembak mati oleh penduduk Kampung Empelam, awal pagi semalam.
(<https://www.utusanborneo.com.my/2018/05/12/sang-bedal-ditembak-mati>)



Selepas pertandingan, pelatih Valencia, Marcelino turut memberikan komentarnya terkait kartu merah Ronaldo. Ia menilai pemain 33 tahun itu tak berhak diusir dari lapangan pertandingan.
(<https://www.bolalimes.com/boladunia/2018/09/20/130831/dikartu-merah-pelatih-valencia-bela-cristiano-ronaldo>)

- [8] “Oh, saya Semedi dari kantor keuangan,” jawab *tuan rumahnya*₁ dan *O*₁ menjabat tangan Isa.

(*Jalan Tak Ada Ujung*, hlm. 9)

- [9] *Isa*₁ sekarang mendengar derum motor truk, dan *dia*₁ pindah bersama-sama dengan tuan rumah mengintip ke jendela yang menghadap ke arah truk datang. (a) *Tiga rumah dari rumah tempatnya*₁ bersembunyi, truk itu berhenti.

(*Jalan Tak Ada Ujung*, hlm. 10)

- [10] Adapun akan *anaknya Hang Tuah dan bapanya Hang Mahmud itu*₁ mengambil kayu api juga kerja-nya₁ sehari-hari.

(*Hikayat Hang Tuah*, hlm. 21)

ANALISIS (I): Penggantian atau Pengguguran Frasa Nama

Tindakan frasa nama dalam ayat [1] dianalisis terlebih dahulu dalam bahagian ini. Apabila FN *piring ayan itu* yang bertindak sebagai objek terhadap kata kerja transitif aktif *membawa* itu diperhatikan dalam ayat majmuk [1], didapati bahawa frasa nama yang membawa maklumat lama dalam klausa yang menyusul diganti secara perulangan dengan kata ganti nama diri *-nya* yang bertindak sebagai FN objek terhadap kata kerja transitif aktif *meletakkan*.⁵ Penggantian frasa nama yang seperti ini dapat diterangkan, dengan mudah, dengan pola (A) yang diberi dalam bahagian Masalah Kajian tadi.

- [1] *Senah*₁ membawa *piring ayan itu*₂ lalu *O*₁ meletakkan-nya₂ di depan Mat Junuh.

- [2] *Anak itu*₁ membungkus *beras*₂ dua liter dan *O*₂ diletakkan-nya₁ di atas meja di depan perempuan itu.

Namun, FN *beras*₂ yang bertindak sebagai objek terhadap kata kerja transitif aktif *membungkus* dalam ayat [2] tidak dapat diterangkan dengan pola (A) atau pola (B) kerana frasa nama *beras* yang membawa maklumat lama di gatra *O*₂ itu dianggap secara tradisional bertindak sebagai FN subjek terhadap kata kerja transitif pasif *diletakkan(-nya)* dalam kerangka ayat [Subjek + Predikat]. Maksudnya, kedua-dua frasa nama *anak itu*₁ dan

5 Lihat bahagian ANALISIS (III) berhubung dengan sifat kata kerja ragam aktif dalam bahasa Melayu

beras (pengisi gatra O_2) memperlihatkan perbezaan fungsi sintaksis dalam ayat majmuk [2]. Fenomena yang seperti ini sering dijumpai dalam bahasa Melayu moden tidak disentuh dalam buku teks tatabahasa pada zaman sekarang.

Dalam pada itu, Emeis (1946), memperkenalkan sebuah catatan yang menarik bahawa pola seperti ayat [1] baru muncul dalam bahasa Melayu moden, iaitu akhir abad ke-19 atau awal abad ke-20. Hal ini sudah lama terasa apabila kami meneliti teks bahasa Melayu klasik. Di bawah ini diberikan terjemahannya:⁶

Begitu juga telah kami katakan bahawa sebuah objek yang disebut dalam ayat yang terdahulu tidak diulang dengan kata “**dia**” dalam bahasa Melayu. Satu kekecualian barangkali terdapat apabila objek itu merupakan manusia sahaja, misalnya: **Menteri itu menangkap pencuri itu, lalu ia membawa dia ke bui**, atau **Menteri itu menangkap pencuri itu, lalu dia dibawanya ke bui**. Namun, contoh ini bukanlah bahasa Melayu yang baik.

Bagaimanapun, dalam bahasa Melayu moden yang semakin kukuh dengan bentuk **me-**, perulangan dengan **nya** semakin sering digunakan untuk manusia dan juga benda yang tak-bernyawa. **Kopor tidak lepas dari tangan saya, saya menjenjengnya saja. Dipukulnya orang miskin itu, lalu ia mengusirnya dari pintu rumahnya** sebagai ganti **lalu diusirnya dari pintu rumahnya**.

Untuk sementara, pelajar bahasa Melayu hendaklah menuruti bentuk yang biasa, tetapi perlu juga memperhatikan ungkapan perulangan dengan **nya** apabila berhadapan dengan penutur dan penulis yang baik.

(Emeis, 1946:68)

Catatan Emeis ini dapat diterapkan pada pola ayat [1] dan [2] dengan tepat. Masalah pola ayat [2] yang kurang disedari pengkaji tempatan pada zaman sekarang sebenarnya sudah dibangkitkan oleh pengkaji-pengkaji Barat sejak abad ke-19. Sato (2000, dan seterusnya) yang meneliti kajian Bambang Kaswanti Purwo (1984), mengkaji masalah pola ayat [2] ini dengan digabungkan dengan pola ayat [7].

ANALISIS (II): Persoalan Ragam Kerja

Ayat [7](a) selalu diberi nama ayat pasif dalam buku teks bahasa Melayu.

6 Sebuah catatan yang serupa dengan pemerhatian Emeis (1946:68) pernah kami jumpai dalam sebuah makalah yang dihasilkan oleh seorang pengkaji dari Belanda pada awal abad ke-20. Sayangnya makalah itu tidak ada pada tangan kami pada saat ini.

Namun, sedarkah pengkaji akan keganjilan makna jika didasarkan pada istilah kata kerja pasif diri pertama *kudengar*?

- [7] "Pertanyaan dibuat untuk dijawab, Abdullah," suaranya menurun jadi lembut kembali. "Berapa tahun kau sudah tinggal di sini? Tujuh? Kau tak mau jawab pertanyaanku?
(a) *Jawabanmu mau kudengar*. Hanya jawaban. Kau takkan rugi apa-apa."

Kalau kata kerja *kudengar* dianalisis sebagai kata kerja pasif, dengan sendirinya FN *jawabanmu* diberi status subjek sintaksis. Jika demikian, FN yang berkenaan tentu sahaja bertalian dengan kata kerja bantu *mau* (= *mahu*) dalam kerangka ayat [Subjek + Predikat]. Dengan ini, FN ini bertindak sebagai pemilik "kemahuan", iaitu *jawabanmu mau!* Inilah keganjilan analisis ayat [7](a).

Setahu kami, segelintir pengkaji tempatan menyalahkan melalui pelbagai peluang secara lisan atau tulisan, akan pola ayat [7](a) dari segi analisis kesalahan tatabahasa sejak akhir 1970-an hingga awal tahun 2000-an. Namun, pola ayat ini sudah lama muncul sejak zaman bahasa Melayu klasik dan bahasa Melayu moden juga mengembangkan penggunaannya bersama kata kerja bantu semu seperti *berjaya* dan *berhak* setakat tahun 2018:

- [7] (b) Buaya jantan yang **berjaya ditembak** mati oleh penduduk Kampung Empelam, awal pagi semalam.
[7] (c) Ia menilai pemain 33 tahun itu **tak berhak diusir** dari lapangan pertandingan.

Analisis ragam kerja bahasa Melayu sudah berabad-abad lamanya dikerjakan oleh pengkaji Barat dalam wadah dikotomi aktif dan pasif. Dalam karya Hollander (1882), yang diberi penilaian sebagai karya pendidikan tatabahasa bahasa Melayu yang pertama, bentuk awalan [*me-* + bunyi sengau] diterangkan sebagai penanda ragam kerja aktif, dan penanda ragam kerja pasif pula diterangkan seperti yang kami simpulkan berikut:⁷

7 Lihat bahagian ANALISIS (III) berhubung dengan sifat kata kerja ragam aktif dalam bahasa Melayu.

Jadual 1 Ringkasan kajian Hollander (1882:90 – 97).⁸

Hollander menggolongkan ragam kerja bahasa Melayu kepada dua pola, iaitu (i) pasif jati dan (ii) pasif berpelaku.

Pasif Jati

- (a) *di-* + (pokok verbal)
- (b) *di-* (pokok verbal) + oleh *agen*

Pasif Berpelaku

- (c) *ku-* + (pokok verbal) @ agen diri ke-1
- (d) *kau-* + (pokok verbal) @ agen diri ke-2
- (e) *di-* + (pokok verbal) + *-nya* @ agen diri ke-3

Buku teks tatabahasa bahasa Melayu yang diterbitkan di rantau Melayu sejak tahun 1970-an tidak berubah daripada rumusan Hollander yang tersebut, dan hanya istilah yang digunakan berbeza-beza, seperti misalnya, istilah pasif jati dan pasif semu (*Nahu Melayu Mutakhir*) dan istilah pasif diri pertama, diri kedua, dan diri ketiga (*Tatabahasa Dewan*).

Adalah jelas bahawa istilah ragam kerja aktif dan ragam kerja pasif itu sendiri dipinjam daripada tatabahasa bahasa Eropah. Oleh sebab itu, kita perlu memastikan sistem ragam kerja yang terdapat dalam bahasa Eropah terlebih dahulu. Berikut diperkenalkan tiga bahasa Eropah moden yang mempengaruhi kajian bahasa Melayu, iaitu bahasa Inggeris, Belanda, dan Jerman.

Ragam kerja aktif dalam ketiga-tiga bahasa yang berkenaan tidak mempunyai ciri morfologi dalam bentuk lahir, manakala ragam kerja pasif menunjukkan struktur [kata kerja bantu + partisipel pasif kata kerja utama]. Dalam hal ini, subjek nahuan yang berperanan sebagai penderita (*patient*) dalam ayat pasif memperlihatkan keserasian nahuan (*grammatical agreement*) dengan kata kerja bantu dari segi morfologi, sesuai dengan bilangan nahuan FN subjek, seperti yang dirumuskan berikut:

8 Berhubung dengan ragam kerja pasif bahasa Melayu, Hollander menggolongkannya kepada dua pola, iaitu bentuk pasif jati (*zuiver passief*) dan bentuk pasif berpelaku (*subjectief passief*). Istilah bahasa Belanda *subject / subjectief* dalam karya Hollander adakalanya digunakan dalam erti kata sintaksis, dan disamakan dengan istilah *onderwerp* (subjek sintaksis); dan adakalanya juga digunakan dalam erti kata semantik, dan disamakan dengan istilah *onderwerp* (agen semantik, pelaku). Hal ini menyukarkan pemahaman keseluruhan karya Hollander. Kami mengambil pengertian *subjectief* (agentif), iaitu “berpelaku”, dalam penghuraian istilah ragam kerja pasif yang digunakan Hollander di sini (lihat Jadual 1).

Jadual 2 Konjugasi kata kerja bantu dalam tiga bahasa Eropah moden.

Konjugasi Kata Kerja Bantu (dalam Modus Direktif)			
Bahasa	Inggeris	Belanda	Jerman
Bentuk Infinitif	<i>be</i>	<i>zijn</i>	<i>sein</i>
Bilangan Tunggal	Kata kini/Kata lampau	Kata kini/Kata lampau	Kata kini/Kata lampau
Diri ke-1	<i>am/was</i>	<i>ben/was</i>	<i>bin/war</i>
Diri ke-2	<i>are/were</i>	<i>bent (is)/was (waart)</i>	<i>bist/wart</i>
Diri ke-3	<i>is/was</i>	<i>is/was</i>	<i>ist/war</i>
Bilangan Jamak	Kata kini/Kata lampau	Kata kini/Kata lampau	Kata kini/Kata lampau
Diri ke-1	<i>are/were</i>	<i>zijn/waren</i>	<i>sind/waren</i>
Diri ke-2	<i>are/were</i>	<i>zijn (bent)/was (waren)</i>	<i>seid/wart</i>
Diri ke-3	<i>are/were</i>	<i>ziyn/waren</i>	<i>sind/waren</i>

Pembaca pasti sudah faham sistem bentuk tasrif atau konjugasi kata kerja bantu *Be* dalam bahasa Inggeris. Bahasa Belanda, misalnya, mempunyai dua jenis kata kerja bantu yang berkaitan dengan pembentukan ayat pasif. Paradigma infinitif *zijn* diberi dalam Jadual 2, dan kata kerja bantu *worden* pula dapat diringkaskan seperti infinitif *worden*: kala kini (sg) *word/wordt/wordt*, (pl) *worden/worden/worden*; kala lampau (sg) *werd/werd/werd*, (pl) *werden/werden/werden*. Bahasa Belanda memperlihatkan keserasian nahuan antara FN subjek nahuan dengan kata kerja bantu infinitif *zijn* atau *worden* yang turut berkombinasi dengan partisipel pasif kata kerja utama.

[11] Kata *ik* sebagai kata ganti nama diri jati pertama tunggal:

“Waarom **ben ik** niet wakker **gemaakt**? Laat het dorps hoofd hierheen komen!”

(= Mengapa aku tak **dibangunkan**? Suruh ke sini kepala kampung itu!)

[12] Kata *mBok* sebagai kata ganti nama diri semu kedua tunggal:

“Werd mBok dan in de kampong **geslagen**?”. “Geslagen?”

Nee, echt **geslagen werd ik** niet. ...”,

(= "mBok *dipukuli* di kampung?". "Dipukuli? *Dipukuli* benar memang tidak. ..."),

[13] Kata *zij* sebagai kata ganti nama diri jati ketiga tunggal:

De avond tevoren was zij in de echt verbonden, in de echt verbonden met een kris.

(= Kelmarin malam ia telah *dinikahkan*. *Dinikahkan* dengan sebilah keris.)

(Nota: Ayat [11] – [13] dipetik daripada karya *Gadis Pantai* dalam bahasa Indonesia dan terjemahannya dalam bahasa Belanda)

Bahasa Indonesia (bahasa Melayu) menggunakan bentuk kata kerja *di-*sahaja dalam semua ayat [11] – [13] ini. Bentuk *di-* ini tidak semestinya bermakna bahawa semua pelaku (*agent*) kata kerja merupakan pelaku diri ketiga sahaja. Bentuk *di-* mengandaikan kewujudan pelaku yang difahami antara pembicara dengan penerima mesej. Oleh hal yang demikian, jika diri pelakunya ditukar, kata kerja dapat muncul seperti dalam bentuk diri pertama *ku-bangunkan/kami bangunkan*, bentuk diri kedua *kau-bangunkan/kamu bangunkan*, dan bentuk diri ketiga *dibangunkan-nya/dibangunkan mereka*. Maksudnya, FN penderita (*patient*) yang sudah lama dianggap sebagai subjek ayat itu sama sekali tidak mempengaruhi pembentukan kata kerja yang dinamakan ragam kerja pasif dalam bahasa Melayu. Hal ini jarang disadari oleh pengkaji bahasa Melayu sejak zaman dahulu.

Sebaliknya, unsur yang menentukan bentuk kata kerja bahasa Melayu ialah pelaku yang "beraneksi" dengan "pokok verbal" (istilah Mees, 1969). Dengan perkataan lain, **ragam kerja bahasa Melayu ditandai secara semantik-morfologi** seperti *ku-dengar*, *kau-bangunkan*, dan lain-lain. Sistem pembentukan ragam kerja bahasa Melayu yang demikian ternyata sama sekali bertentangan dengan bahasa Eropah moden. Oleh hal yang demikian, **istilah pasif itu tidak sesuai dengan sistem nahuan bahasa Melayu dari segi sintaksis-morfologi pada tahap pertama**. Hal yang sedemikian sudah disebut oleh Mees (1938:118 – 119).⁹

Ophuijsen (1915), memberikan nama "ragam kerja aktif" kepada bentuk konjugasi kata kerja (*vervoegde vorm*), dan Mees (1969) pula menggunakan istilah "bentuk persona" atau "kata kerja berpersona" bagi

9 Pernah kami jumpai dalam sebuah makalah yang dihasilkan oleh seorang pengkaji dari Belanda pada awal abad ke-20. Sayangnya makalah itu tidak ada pada tangan kami pada saat ini.

bentuk kata kerja yang berkenaan.¹⁰ Kajian mereka masih mempertahankan nilai yang tinggi untuk diteliti oleh pengkaji zaman sekarang.

Pengkaji zaman sekarang rupa-rupanya tidak menyedari perbezaan sistem konjugasi kata kerja antara bahasa Melayu dengan bahasa Eropah moden. **Istilah pasif jati (*zuiver passief*) yang digunakan oleh Hollander dalam kajian bahasa Melayu terlahir daripada kesalahfahaman yang didasarkan pada analisis konjugasi kata kerja bahasa Eropah. Istilah pasif berpelaku (*subjectief passief*) pula tercipta dalam kajian bahasa Melayu kerana kata kerja pasif tidak memperlihatkan hubungan aneksi dengan unsur pelaku dalam bahasa Eropah.** Kita perlu mengingat ciri ragam kerja bahasa Melayu ini yang tidak dapat diterangkan dalam wadah dikotomi aktif dan pasif bahasa Eropah moden sahaja.

ANALISIS (III): Ragam Kerja dan Konstruksi Ergatif

Berbalik kepada pola ayat [7], Hollander sudah membangkitkan persoalan ragam kerja buat pertama kalinya pada abad ke-19, dan kajian ini diteruskan secara serius oleh sarjana-sarjana dari Belanda hingga pertengahan abad ke-20. Akan tetapi, hal ini rupa-rupanya sudah tidak diketahui lagi oleh banyak pengkaji bahasa Melayu pada zaman sekarang. Keterangan Hollander yang berkenaan diterjemahkan di bawah, dengan menukarkan ejaan lama bahasa Melayu (zaman Hindia Belanda) kepada ejaan moden:

Apabila predikat yang terbentuk daripada sebuah kata yang bermakna “kemahuan” (*willen*), “niat” (*voornemens zijn*) (atau sebuah kata yang mengandungi sesuatu “niat” [*een voorneemen*]) dengan sebuah lagi kata kerja, maka kata kerja ini disusun dalam bentuk aktif: misalnya [a] **tiada mahu aku menurut katamu** (*ik wil uwe woorden niet opvolgen*); [b] **hamba hendak mengiringkan duli yang dipertuan barang ke mana** (*ik wil zijne Majesteit overal heen volgen*); [c] **ia pergi mencari unta itu** (*hij ging die kameelen zoeken*).

Akan tetapi, apabila predikat terbentuk daripada sebuah kata yang bermakna “kemahuan” (*willen*), “kehendak” (*begeeren*), atau “niat” (*voornemens zijn*) dengan sebuah kata kerja sebutan yang bertindak dalam bentuk ungkapan yang berpusatkan penderita, maka kata kerja sebutan sahaja yang disusun dalam bentuk pasif tetapi kata yang bermakna “kemahuan” itu bertindak dalam bentuk aktif. Hal ini bermakna bahawa

10 Istilah *vervoegde vorm* (bentuk konjugasi) bagi bentuk kata kerja bahasa Melayu buat pertama kalinya diperkenalkan oleh Ophuijsen dalam sebuah makalah beliau pada awal abad ke-20 lalu diikuti oleh Jonker dalam makalah “Over de Vervoegde Werkwoords-Vormen in de Malesich-Polynesische Talen” dalam jurnal *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde van Nederlandsch-Indië*, Deel 65 (1911). Istilah *vervoegde vorm* (bentuk konjugasi) dapat disaksikan secara meluas dalam kajian tatabahasa bahasa Melayu yang dikerjakan oleh pengkaji dari Belanda hingga pertengahan abad ke-20.

“kemahuan” atau “kehendak” itu bukanlah kemahuan penderitanya yang merupakan subjek ayat tetapi mengungkapkan kemahuan pelaku: misalnya, [d] **maka diceriterakan oleh Mohammed Tahir akan hal ehwalnya ia hendak dibunuh oleh baginda** (= *en Mohammed Tahir verhaalde de toedracht der zaak hoe de vorst hem wilde dooden, [hetgeen letterlijk schijnt te beteeknen: hoe hij wilde gedood worden door den vorst]*); [e] **tatkala hendaklah dilepaskan-nyalah akan dia** (= *toen hij dezen wilde loslaten, of toen deze door hem zoude losgelaten worden [niet toen deze door hem wilde losgelaten worden]*); [f] **demi didengar dan dilihat Sultan Syabur maka ia hendak dibunuh orang** (= *toen Sultan Syabur hoorde en zag dat men hem wilde dooden of dat hij door de menschen zoude [niet wilde] gedood worden*); [g] **Kesukaran tuan hamba yang tiada mahu dikatakan kepada hamba** (= *uw kommer, dien gij mij niet wilt zeggen [niet uw kommer, die niet wil gezegd worden]*); [h] **adapun yang qasad Wana Seri Bina hendak diambil-nya akan suami** (= *en het plan van (de vorstin) Wana Seri Bina was dat zij hem tot man wilde nemen of dat hij door haar tot man zoude genomen worden [niet: dat hij wilde door haar tot man genomen worden]*); [i] **harganya hendak dibiayakan-nya** (= *de opbrengst er van wil hij voor levensmiddelen besteden [niet: wil besteed worden maar door hem wordt gewild]*).

(Hollander, 1882:271 – 272)

Hollander dalam petikan ini bersusah payah untuk menerangkan “makna aktif” yang terkandung dalam apa yang dinamakan oleh beliau kata kerja pasif. Dalam hal ini juga perlu ditekankan sekali lagi catatan beliau: “maka kata kerja sebutan saja yang disusun dalam bentuk pasif tetapi kata yang bermakna ‘kemahuan’ itu bertindak dalam bentuk aktif. Hal ini bermakna bahawa ‘kemahuan’ atau ‘kehendak’ itu bukanlah kemahuan penderitanya yang merupakan subjek ayat tetapi mengungkapkan kemahuan pelaku.”

Kajian ragam kerja bahasa Melayu bermula terutama dalam kalangan pengkaji dari Belanda, sejak karya Hollander diterbitkan pada abad ke-19. Antara hasil kajian yang diterbitkan dalam tempoh dari abad ke-19 hingga pertengahan abad ke-20, Spat (1920) menegaskan dua sudut makna yang terdapat dalam apa yang dinamakan bentuk pasif atau bentuk konjugasi. Maksudnya, kedua-dua makna aktif dan makna pasif dapat disaksikan dalam satu bentuk kata kerja yang sama. Walaupun Spat nampaknya masih berpegang pada kerangka ayat pasif [Subjek + pelaku-KKj.] atau [Subjek + di-KKj.-pelaku], beliau mencadangkan supaya sudut pandangan kita ditukar daripada sintaksis kepada semantik:

Di sini lebih baik kita membincangkan **pelaku** (*agens = bewerker*) daripada **subjek** (*onderwerp*); jika pelaku digambarkan sebagai subjek ayat, sudah tentunya ayat itu aktif. Akan tetapi, apabila kita ragu-ragu sama ada

sesuatu ayat bahasa Melayu patut diertikan sebagai aktif atau pasif, baiklah kita hindari kata-kata **subjek** (*onderwerp* = *subject*) dan **objek** (*voorwerp* = *object*), melainkan membincangkan **pelaku** (*bewerker* = *agens*) dan orang atau perkara yang mengalami perbuatan, iaitu **penderita** (*patiens*)

(Spat, 1920:167)

Dengan melihat dua petikan daripada Hollander dan Spat yang tersebut sahaja, kita dapat menilai kemajuan analisis mereka pada zaman dahulu yang melebihi kajian ragam kerja bahasa Melayu yang terdapat dalam buku teks tatabahasa zaman sekarang. Bambang Kaswanti Purwo (1984), rupa-rupanya menyokong pandangan Spat tersebut. Sebaliknya, Sato (2000 dan seterusnya) mengaplikasikan idea Konstruksi Ergatif kepada pola ayat [7](a) dan memfokuskan fungsi sintaksis yang diberikan kepada frasa nama.


Kajian Sato bermula daripada analisis pembentukan kata kerja yang dinamakan KKj. aktif *me(N)*-. Penanda *me(N)*- ini sebenarnya berfungsi untuk menandai FN yang muncul di sebelah kiri KKj. *me(N)*- sebagai pelaku sahaja. Oleh hal yang demikian, **istilah ragam kerja aktif tidak sesuai dengan tepat bagi sistem nahuan bahasa Melayu jika dibandingkan dengan bahasa Eropah**. Misalnya, ayat *Aku mau mendengar jawabanmu* tidak dapat disongsangkan seperti **Jawabanmu mau mendengar aku*, padahal bahasa Jerman membenarkan struktur ayat aktif *Deine Antwort möchte ich hören* yang disongsangkan daripada ayat aktif *Ich möchte deine Antwort hören*. Kasus nama nahuan (FN *ich* [= aku] berkasus nahuan nominatif, FN *deine antwort* [= jawabanmu] berkasus nahuan akusatif) ini memungkinkan susunan ayat songsang dalam bahasa Jerman (sila pastikan hal ini dalam paradigma deklensi kata namaan bahasa Jerman). Perlu diingat bahawa bahasa Inggeris yang sudah berabad-abad lamanya kehilangan kasus nama nahuan dalam sejarah perkembangan bahasa, pada dasarnya, tidak dapat membentuk ayat songsang dari segi tatabahasa.

[7] "Pertanyaan dibuat untuk dijawab, Abdullah," suaranya menurun jadi lembut kembali. "Berapa tahun kau sudah tinggal di sini? Tujuh? Kau tak mau jawab pertanyaanku?"


(a) *Jawabanmu mau kudengar*. Hanya jawaban. Kau takkan rugi apa-apa."

Ayat [7](a) dapat dihuraikan berdasarkan andaian: "Sekiranya pertalian antara unsur pelaku *aku* dengan KKj. utama *mendengar* dianggap bersifat primer secara semantik-morfologi dalam pembentukan KKj. *me(N)*-, maka

kata bantu modal *mau* (= *mahu*) juga berfungsi sebagai KKj. bantu secara sekunder ke atas pertalian primer itu dalam susunan ayat tunggal. Pertalian yang demikian tetap kekal dalam pembentukan KKj. berpersona *ku-dengar* yang memperlihatkan hubungan aneksi antara pelaku *ku-* dengan pokok verbal *dengar*".



Dengan ini, satu idea ragam kerja yang berkisar di luar wadah dikotomi aktif-pasif dapat dicadangkan. [7](a) memperlihatkan konstruksi ergatif, iaitu FN *jawabanmu* berfungsi sebagai objek yang berkasus rectus/nominatif dan FN pelaku *ku-* pula berfungsi dalam kasus ergatif atau oblique. Dalam hal ini, status FN *ku-* yang diberi kasus ergatif itu diragui sama ada berfungsi sebagai subjek atau sesuatu unsur sintaksis yang lain. Ditegaskan sekali lagi bahawa FN *jawabanmu* yang dijudulkan (*thematized*) nampaknya sahaja merupakan FN subjek ayat tetapi sebenarnya berfungsi sebagai FN objek di posisi judul atau tema jika idea konstruksi ergatif dapat diaplikasikan pada ayat [7](a).



Jika ayat ini disusun seperti *Mau ku-dengar jawabanmu* (FN *jawabanmu* diberi status objek berkasus nahuan rectus atau nominatif), penutur jati pasti akan berasa makna ayat ini tidak berbeza dengan ayat aktif *Aku mau mendengar jawabanmu* (FN *jawabanmu* diberi status objek berkasus nahuan

oblique), kecuali perubahan titik permulaan pembicaraan ayat, iaitu judul (*theme*) dari segi susunan logik.

(a) Jawabanmu mau ku-dengar

→ Jawabanmu (-lah) yang mau ku-dengar.

(b) Mau ku-dengar jawabanmu.

→ Yang mau ku-dengar (ialah) jawabanmu.

(c) Aku mau mendengar jawabanmu.

→ Aku (-lah) yang mau mendengar jawabanmu.

Konstruksi ergatif sering disalahertikan oleh pengkaji dari dalam dan luar rantau Melayu. Hal ini disebabkan kerana banyak informasi ergatif yang salah diperkenalkan dalam bahasa Inggeris oleh pengkaji bahasa Inggeris yang tidak mengetahui sistem kasus nama nahuan dengan tepat. Oleh kerana itu, ramai pengkaji bahasa Melayu turut salah faham akan sistem nahuan ergatif. Misalnya, dalam ayat *B menerbangkan pesawat itu pada jam 7 pagi*, KKj. transitif kausatif *menerbangkan* disalahertikan sebagai KKj. ergatif kerana FN *pesawat itu* dalam ayat ini disalah anggap sebagai memegang kasus rectus atau nominatif terhadap KKj. *menerbangkan*, dibandingkan dengan fungsi FN *pesawat itu* yang berfungsi sebagai subjek terhadap KKj. intransitif *terbang* dalam ayat dalaman *Pesawat itu terbang pada jam 7 pagi*. Analisis struktur dalaman ayat yang demikian tidak melihat fakta bahasa Melayu dan tidak dapat diterima. Kasus nama nahuan mesti diteliti dalam ayat yang wujud dengan nyata, bukan struktur dalaman yang diandaikan.

Kita sepatutnya menganalisis bentuk kata kerja seperti *diterbangkan-B* dalam ayat seperti *Pesawat itu diterbangkan-B pada jam 7 pagi tetapi jatuh 10 minit kemudian*. Bentuk kata kerja *B-terbangkan* juga dapat diterima daripada segi tatabahasa. Maksudnya, FN subjek *pesawat itu* yang bertindak dalam kasus rectus atau nominatif terhadap KKj. intransitif *jatuh* itu mempunyai kasus yang sama dengan FN objek *pesawat itu* yang bertindak terhadap KKj. ergatif *diterbangkan-B*. Dalam hal ini, FN *-B* atau *B-* diberi kasus ergatif jika idea konstruksi ergatif diaplikasikan dengan memberikan kasus nama nahuan kepada bahasa Melayu secara andaian. Andaian ini sebenarnya merupakan satu risiko kajian konstruksi ergatif yang diaplikasikan kepada bahasa Melayu.

<p><i>Pesawat itu</i> (objek)</p>	<p>diterbangkan-B (KKj. ergatif)</p>	<p>pada jam 7 pagi (subjek berkasus ergatif)</p>
<p>Ø (subjek)</p>	<p>jatuh (KKj. intransitif)</p>	<p>10 minit kemudian</p>
<p>berkasus rectus/nominatif</p>		


Perlu ditekankan sekali lagi bahawa perbincangan soal kasus nama mesti diperdalam kerana bahasa Melayu pada hakikatnya, tidak memperlihatkan deklensi bentuk kasus nama secara morfologi. Maksudnya, perbincangan sintaksis mengenai konstruksi ergatif dan konstruksi oblique dalam kajian bahasa Melayu sebenarnya diandaikan secara logik saja, berdasarkan sistem bahasa Basque dan bahasa Eropah. Hal ini mesti ditekankan untuk menghindari kesalahfahaman.

Dalam pada ini, masalah makna “pasif” seperti yang terkandung dalam ayat *Rumah panjang itu bukan sahaja telah diceroboh, tetapi dibakar oleh para pengait itu* (Okong Srikandi Sungai, hlm. 53) juga tidak boleh diabaikan. Namun, ayat ini membawa makna “aktif” sekali lagi apabila kata kerja predikatnya bergabung dengan kata kerja bantu (semu) *mahu, hendak; berjaya, gagal* seperti *Rumah panjang itu bukan sahaja telah berjaya diceroboh, tetapi berjaya dibakar oleh para pengait itu*.

ANALISIS (IV): Frasa Nama Yang Berkasus Rectus atau Nominatif

Kalau idea konstruksi ergatif yang diaplikasikan pada pola ayat [7](a) itu digunakan untuk menerangkan pengguguran frasa nama dalam ayat majmuk [2], maka didapati bahawa gatra O_2 dapat disusun semula dengan FN *beras* (objek berkasus rectus atau nominatif) yang memperlihatkan persamaan fungsi sintaksis dengan FN *beras*₂ (objek berkasus oblique).

- [2] *Anak itu*₁ membungkus *beras*₂ dua liter dan O_2 diletakkan-nya₁ di atas meja di depan perempuan itu.
(= *Anak itu*₁ membungkus *beras*₂ dua liter dan O_1 meletakkan-nya₂ di atas meja di depan perempuan itu.)



Maksudnya, FN *beras* tidak berfungsi sebagai FN subjek di posisi O₂ terhadap KKj. berpersona *diletakkan-nya*. Dengan perkataan lain, KKj. *diletakkan-nya* bukanlah kata kerja pasif tetapi kata kerja aktif yang disusun dalam konstruksi ergatif. Kedua-dua FN objek *beras*₂ dan FN objek *beras* yang mengisi garta O₂ itu memegang fungsi sintaksis yang sama tetapi diberi kasus nama nahuan yang berlainan, iaitu kasus oblique dan kasus rectus atau nominatif masing-masing. Fungsi FN objek yang berkasus rectus atau nominatif ini memegang kunci dalam analisis pengguguran frasa nama yang berlaku dalam pola ayat [2] dari segi sintaksis.


Dalam hal ini, dapat juga dikatakan bahawa pembentukan KKj. berpersona *diletakkan-nya* memfokuskan FN *beras*₂ yang mendahuluinya sahaja dari segi sintaksis. Pola ayat ini dapat disaksikan dalam banyak karya bahasa Melayu tanpa mengira karya untuk orang dewasa atau karya untuk kanak-kanak: *Kita akan mengungkapkan ikatan susur rotan pada rakit-rakit kita, dan kita bahagi-bahagikan untuk diangkat* (Okong Srikandi Sungai, 36). Perhatikan bahawa KKj. berpersona diri pertama *kita bahagi-bahagikan* digunakan dalam ayat ini.

Sementara itu, pengguguran frasa nama dalam ayat [3] juga rupanya dapat diterangkan dengan mengandaikan persamaan fungsi sintaksis yang terdapat pada unsur pelaku yang beraneksi dengan pokok verbal, iaitu pelaku yang telah diragui sama ada berfungsi sebagai subjek atau sesuatu unsur sintaksis yang lain, dalam ANALISIS (II) dan ANALISIS (III).

- [3] Kemudian **diambil-nya**₁ (= Arman) *dua buah kotak korek api*₂ dari tasnya dan O₁ menuju ke mesin jahit ibunya.
 (= Kemudian **ia**₁ (= Arman) **mengambil** *dua buah kotak korek api*₂ dari tasnya dan O₁ menuju ke mesin jahit ibunya.)

Idea konstruksi ergatif memberi gambaran bahawa sebuah frasa nama yang disusun dalam kasus ergatif terhadap KKj. transitif dapat berfungsi


sebagai FN subjek. Adakah idea ini dapat diaplikasikan pada bahasa Melayu secara menyeluruh? Seandainya idea ini dapat digunakan, unsur pelaku yang beraneksi dengan pokok verbal dapat diberi fungsi subjek dalam ayat majmuk [3].



FN subjek *-nya* yang merujuk kepada FN *Arman* dalam konteks asal ini beraneksi dengan pokok verbal *diambil*, manakala FN *dua buah kotak korek api* berfungsi sebagai FN objek yang berkasus rectus atau nominatif dalam konstruksi ergatif. Gatra O_1 dapat diisi dengan FN *Arman* yang diganti dengan FN *-nya* yang disusun dalam bentuk enklitik. Maksudnya, bukan bentuk enklitik *-nya* mengisi gatra O_1 tetapi informasi leksikal yang terkandung dalam FN *-nya* yang merujuk kepada FN *Arman* itulah bertindak sebagai FN subjek (berkasus rectus/nominatif) terhadap KKj. intransitif *menuju* (< *tuju*). Dalam hal ini, dapat juga dikatakan bahawa pembentukan KKj. intransitif *menuju* memfokuskan FN *-nya₁* (bentuk enklitik) yang mendahuluinya dari segi sintaksis sahaja. Fungsi FN subjek memegang kunci dalam analisis pengguguran frasa nama yang berlaku dalam pola ayat [3] dari segi sintaksis.

Hasil analisis ayat [3] yang tersebut dapat diaplikasikan lagi pada ayat [8] yang menggunakan KKj. dasar *jawab* yang tidak berimbuhan. Contoh kata kerja dasar yang seperti ini masih banyak lagi seperti *tanya*, *kata*, *ujar*, *tegur*, dan lain-lain.

- [8] "Oh, saya Semedi dari kantor keuangan," jawab *tuan rumahnya₁* dan O_1 menjabat tangan Isa.
(= "Oh, saya Semedi dari kantor keuangan," *tuan rumahnya₁* menjawab dan O_1 menjabat tangan Isa)



FN *tuan rumahnya* dalam ayat [8] dapat mengisi gatra O_1 yang bertindak sebagai subjek terhadap KKj. aktif *menjabat*. Dalam hal ini, FN *tuan rumahnya*₁ tidak disusun dalam bentuk enklitik dalam bentuk lahir (frasa nama bahasa Melayu memang tidak mempunyai bentuk khas untuk menandai kasus nahuan) tetapi bertindak dalam bentuk rectus atau nominatif terhadap KKj. dasar *jawab* yang tidak berimbuhan. Bentuk enklitik *-nya* dalam FN *tuan rumah-nya* hanya berperanan sebagai pemilik terhadap FN *tuan rumah* dalam susunan [[*tuan rumah*] *-nya*] FN sahaja, dan tidak mempunyai hubungan dengan KKj. dasar *jawab* secara langsung dari segi sintaksis. Masalahnya ialah kasus nahuan FN *tuan rumahnya* ini sukar ditentukan kerana KKj. dasar *jawab* tidak memperlihatkan konstruksi ergatif, dibandingkan dengan bentuk *dijawab tuan rumahnya* atau *tuan rumahnya jawab*.

Berhubung dengan bentuk enklitik *-nya* (< n + ia), peranan semantik bentuk *-nya* hendak diperhatikan dari segi morfo-fonologi. Bentuk *-nya* yang beraneksi dengan KKj. *diambil* dalam ayat [3] berperanan sebagai pelaku. Bentuk *-nya* dalam ayat [9] bukan berperanan sebagai pemilik terhadap FN *tempat* tetapi berperanan sebagai pelaku terhadap KKj. intransitif *bersembunyi* juga. Maksudnya, FN *tempat-nya bersembunyi* ini dapat disamakan dengan FN *tempat ia bersembunyi*, iaitu [*tempat* [*ia bersembunyi*]] FN dari segi sintaksis. Bentuk *-nya* yang merujuk kepada FN *anaknya Hang Tuah dan bapanya Hang Mahmud itu* dalam ayat [10] pula berperanan sebagai pemilik terhadap FN *kerja*.

[9] *Isa*₁ sekarang mendengar derum motor truk, dan *dia*₁ pindah bersama-sama dengan tuan rumah mengintip ke jendela yang menghadap ke arah truk datang. (a) *Tiga rumah dari rumah tempat-nya*₁ *bersembunyi*, truk itu berhenti.

[10] Adapun akan *anaknya Hang Tuah dan bapanya Hang Mahmud itu*₁ mengambil kayu api juga *kerja-nya*₁ sehari-hari.

Jadual 3 Jadual konsonan utama IPA.

THE INTERNATIONAL PHONETIC ALPHABET (revised to 2015)
CONSONANTS (PULMONIC) © 2015 IPA

	Bilabial	Labiodental	Dental	Alveolar	Postalveolar	Retroflex	Palatal	Velar	Uvular	Pharyngeal	Glottal
Plosive	p b		t d			ʈ ɖ	c ɟ	k ɡ	q ɢ		ʔ
Nasal	m	ɱ	n			ɳ	ɲ	ŋ	ɴ		
Trill				ʀ					ʀ		
Tap or Flap		ⱱ		ɾ		ɽ					
Fricative	ɸ β	f v	θ ð	s z	ʃ ʒ	ʂ ʐ	ç ʝ	x ɣ	χ ʁ	ħ ʕ	h ɦ
Lateral fricative				ɬ ɮ							
Approximant		ʋ		ɹ		ɻ	j	ɰ			
Lateral approximant				l		ɭ	ʎ	ʟ			

Jadual 4 Bentuk penuh dan bentuk klitik kata ganti nama diri.

aku		daku
(eng)kau		dikau
ia		dia
ku-	-ku	—
kau-	-kau	—
—	—	-nya (<n + ia)

Bentuk klitik *daku*, *dikau*, *dia*, dan *-nya* yang masing-masing berpasangan dengan bentuk penuh *aku*, *kau*, dan *ia* dari segi morfo-fonologi terdapat terutama dalam karya bahasa Melayu klasik. Bentuk klitik ini masih dibincangkan sama ada menunjukkan kasus nahuan morfologi atau tidak. Pengkaji berbeza pendapat antara satu sama lain.


Yang jelas ialah bentuk klitik itu mempunyai bunyi oral *d(i)*: *daku*, *dikau*, *dia*, atau bunyi nasal *n*: *-nya* (< *n* + *ia*) sebelum bentuk penuh. Dua bunyi ini berbeza dari segi cara artikulasi tetapi memperlihatkan persamaan dari segi daerah artikulasi. Penggunaan bentuk *ia*, *dia*, dan *-nya* pada zaman sekarang berbeza-beza dalam gaya lisan di setiap daerah di Brunei, Indonesia, dan Malaysia. Kita dapat mengatakan bahawa kata ganti nama diri semu seperti *saya*, *patik*, *tuan*, *puan*, dan lain-lain tidak mempunyai bentuk klitik **ya*, **tik*, **an* sahaja.

ANALISIS (V): Masalah Pengguguran Frasa Nama Belum Selesai

Pengguguran frasa nama dalam ayat [2] dan [3] telah diterangkan berdasarkan idea konstruksi ergatif, dengan mengandaikan kewujudan kasus nama nahuan dalam bahasa Melayu. Perlu diperhatikan sekali lagi bahawa semua frasa nama yang dianggap digugurkan di posisi gatra

dalam dua pola ayat yang tersebut diberi kasus nama rectus atau nominatif secara andaian. Namun, tidak dapat dinafikan terdapatnya risiko aplikasi idea konstruksi ergatif dalam hal kasus nama nahuan yang diandaikan itu. Pengguguran frasa nama yang berlaku dalam pola ayat [4] rupa-rupanya jelas tidak dapat diterangkan berdasarkan persamaan fungsi sintaksis subjek atau objek yang diberikan kepada frasa nama itu. Persamaan kasus nama nahuan juga tidak terdapat antara frasa nama yang membawa maklumat lama dengan rujukannya dalam ayat majmuk.

- [4] *Ramli*₁ sudah beberapa kali menanam *anak-anak kelapa*₂ di tempat itu sebagai ganti, tetapi \emptyset ₂ tidak pernah hidup.
(= *Anak-anak kelapa*₂ sudah beberapa kali ditanam *Ramli*₁ di tempat itu sebagai ganti, tetapi \emptyset ₂ tidak pernah hidup.)




FN *anak-anak kelapa*₂ berfungsi sebagai objek yang berkasus oblique terhadap KKj. transitif aktif *menanam*, manakala FN *anak-anak kelapa* yang dapat mengisi gatra \emptyset ₂ berfungsi sebagai subjek yang berkasus rectus atau nominatif terhadap KKj. intransitif *hidup*. Maksudnya, tidak terdapat persamaan fungsi sintaksis dan juga kasus nama nahuan antara dua frasa nama yang berkenaan. Hanya informasi leksikal yang terkandung dalam FN *anak-anak kelapa* yang dikongsi bersama antara klausa, dan informasi sintaksis atau kasus nahuan tidak berfungsi sama sekali. Ayat [4] juga dapat dibandingkan dengan ayat [5].

Idea ini mengingatkan kita akan sistem kasus nama nahuan bahasa Jerman: (i) FN *mein Brief, der ihm eine sehr wichtige Information gibt* (= E. *my letter that gives him very important information*), iaitu FN berkasus nominatif *mein Brief* (= E. *my letter*) diterangkan oleh klausa relatif *der ihm eine sehr wichtige Information gibt* (= E. *that gives him very important information*). Apabila inti frasa nama ini bertindak dalam kasus akusatif seperti *meinen Brief*, klausa relatif yang menerangkannya tetap bertindak dalam kasus

nominatif seperti dalam ayat (ii) *Er hat meinen Brief noch nicht erhalten, der ihm eine sehr wichtige Information gibt* (= E. *He has not yet received my letter that gives him very important information*). Maksudnya, kata penghubung relatif *der* (berkasus nominatif) merujuk kepada informasi nominatif dalam FN *mein Brief* sahaja, dan informasi akusatif dalam FN *meinen Brief* tidak dikongsi bersama dalam klausa relatif. Kata penghubung relatif berkembang daripada kata ganti nama penunjuk dalam sejarah perkembangan bahasa Jerman.

- [5] *Unggun api*₁ dinyalakan oleh bapanya dan anak-anak buahnya agar O_1 dapat menerangi malam yang gelap.
(= Bapanya dan anak-anak buahnya menyalakan *unggun api*₁ agar O_1 dapat menerangi malam yang gelap)



Seperti pola ayat [3], FN *unggun api*₁ dalam ayat [5] berfungsi sebagai objek yang berkasus rectus atau nominatif terhadap KKj. transitif berpersona *dinyalakan*, manakala FN *unggun api* yang dapat mengisi gatra O_1 berfungsi sebagai subjek yang berkasus rectus atau nominatif terhadap KKj. intransitif *hidup*. Maksudnya, tidak terdapat persamaan fungsi sintaksis antara dua frasa nama yang berkenaan, melainkan persamaan kasus nama nahuan yang diandaikan. Dapat dikatakan bahawa informasi leksikal yang terkandung dalam frasa nama yang berkenaan sahaja dikongsi bersama antara klausa.


Dalam hal ini, dapat juga dikatakan bahawa KKj. transitif aktif *menerangi* dalam ayat [5] memfokuskan FN *unggun api*₁ yang mendahuluinya dari segi sintaksis sahaja. Idea ini tidak dapat dinafikan dengan sertamerta dalam analisis pola ayat [2]: *Si Montel pula selalu menjaga ikan yang disalainya di atas ampaian yang digantung di bara api yang sudah padam agar tidak dimakan kucing lain* (Okong Srikandi Sungai, hlm. 48). *Rakan-rakannya ... bekerjasama mengangkat kayu balak yang ditebang di hutan berhampiran untuk diikat dengan susur rotan* (Okong Srikandi Sungai, hlm. 63).

Barangkali sesetengah pengkaji akan mengatakan bahawa KKj. *dinyalakan* dalam ayat [5] merupakan kata kerja pasif, dan FN *unggun api* berfungsi sebagai subjek terhadap KKj. pasif *dinyalakan* dan juga KKj. aktif *menerangi* dalam ayat ini. Jika idea kata kerja pasif digunakan, pola ayat [2], [3] dan [7] yang sudah dianalisis tadi tidak akan dapat diperjelas dan membangkitkan persoalan lagi.

Pengkaji yang mempertahankan istilah pasif juga menyalahkan penggunaan kata kerja bantu *ingin* seperti yang muncul dalam ayat: *Ada perkara yang ingin Okong nyatakan (Okong Srikandi Sungai, hlm. 55)*. Menurut mereka, jika kata kerja bantu *ingin* ditukar dengan kata kerja *akan*, sebarang masalah pasif tidak akan berlaku lagi. Namun, pendapat yang demikian tidak menyedari perubahan makna ayat (makna *ingin* tidak sama dengan makna *akan*), dan sama sekali tidak membantu penyelesaian masalah ragam kerja. Inilah perbincangan ragam kerja yang diulang-ulang sejak akhir tahun 1970-an.

Pola ayat [1] – [5] yang telah dianalisis sebelum ini menunjukkan pengguguran frasa nama yang membawa maklumat lama dalam ayat majmuk. Akan tetapi, sifat yang demikian tidak dapat dilihat pada frasa nama yang diandaikan digugurkan dalam pola ayat [6].

[6] Bagaimana *memaku*₍₁₎ sepatu itu supaya $O_{(1)}$ tidak mengenai kaki?



KKj. transitif aktif *memaku* terbentuk dari [awalan *me(N)-* + kata dasar *paku*], dan frasa nama yang diandaikan digugurkan di gatra $O_{(1)}$ merujuk kepada frasa nama *paku* yang menjadi kata dasar dalam kata kerja terbitan itu. Oleh hal yang demikian, KKj. *memaku*₍₁₎ dan gatra $O_{(1)}$ diberi nombor dalam tanda kurung (...) secara teknikal. Ada sebuah hipotesis bahawa bukan pengguguran frasa nama yang berlaku dalam ayat majmuk tetapi kata kerja predikat dalam klausa yang menyusul itu memfokuskan frasa nama yang dirujuknya dalam kata kerja terbitan sahaja.

Fenomena perujukan ini merupakan ciri khas bahasa Melayu dan tidak dapat diperjelas berdasarkan persamaan fungsi sintaksis atau persamaan kasus nama nahuan yang diandaikan. Begitu juga persamaan peranan semantik juga tidak dapat diaplikasikan kepada KKj. *memaku* dan KN *paku*. Apabila kita menghadapi fakta bahasa Melayu yang demikian, barulah terasa sesuatu sudut pandangan yang belum pernah dikemukakan perlu diterokai sedalam-dalamnya bagi menatapi sifat bahasa Melayu.

KESIMPULAN

Makalah ini membincangkan pengguguran frasa nama yang sama yang diandaikan berlaku antara klausa dalam ayat majmuk. Buku teks tata-bahasa bahasa Melayu yang digunakan secara meluas di negara-negara rantau Melayu sekarang mengatakan bahawa salah satu frasa nama yang memperlihatkan persamaan fungsi sintaksis dalam ayat majmuk dapat digugurkan. Namun, terdapat pelbagai pola ayat yang tidak sesuai dengan keterangan buku teks tatabahasa itu, malahan terdapat pola ayat yang akan menghasilkan jawapan yang ganjil jika keterangan tatabahasa itu diaplikasikan. Pola ayat yang demikian melibatkan soal ragam kerja yang sudah lama dibincangkan oleh segelintir pengkaji dari dalam dan luar rantau Melayu sejak abad ke-19.

Enam pola ayat yang disenaraikan dalam makalah ini dihuraikan satu per satu, bermula daripada pola ayat [1] menuju ke pola ayat [6] bersama contoh pelengkap, dan aliran jawapannya ditunjang oleh idea kasus nama nahuan yang diandaikan dalam bahasa Melayu. Bahasa Melayu sebenarnya tidak memperlihatkan kasus nama nahuan secara morfologi, tetapi andaian ini hendaklah dinilai dari sudut hubungan sintaksis antara frasa nama dengan frasa nama atau antara frasa nama dengan frasa kerja dalam bahasa Melayu. Perlu ditegaskan bahawa idea konstruksi ergatif yang digunakan untuk menunjukkan masalah ragam kerja pasif bahasa Melayu juga ditunjang oleh kasus nama nahuan yang diandaikan.

Pola ayat [4] – [6] mengingatkan kita akan masalah pengguguran frasa nama dalam bahasa Melayu, dan pola-pola inilah yang sesungguhnya merupakan ciri ayat majmuk bahasa Melayu. Para guru sekolah dinasihati supaya mengkaji buku teks tatabahasa sekolah kerana sesetengah pengkaji zaman sekarang terlalu terkongkong dengan sesuatu teori yang tertentu dan lupa meneliti kaedah kajian dari aliran lain. Karya-karya yang diterbitkan dalam tempoh dari abad ke-19 hingga pertengahan abad ke-20, pada hakikatnya, menatapi dan meneliti bahasa Melayu dengan mata yang jernih.

Di samping meneliti pengguguran frasa nama yang membawa maklumat lama dalam ayat majmuk, kita tidak boleh mengetepikan satu hipotesis bahawa bukan pengguguran frasa nama yang berlaku dalam

ayat majmuk tetapi kata kerja predikat dalam klausa yang menyusul memfokuskan frasa nama yang dirujuknya dalam klausa yang terdahulu sahaja. Dengan perkataan lain, informasi leksikal yang terkandung dalam frasa nama yang dirujuk sahaja yang dikongsi bersama antara klausa dalam ayat majmuk, tanpa melibatkan kasus nama nahuan yang diandalkan dalam bahasa Melayu.

BIBLIOGRAFI

- Angelbeek, C. van. 1823. *Maleische Spraakkunst van G.H. Wernelij*, herzien en uitgegeven op last van de Hooge Regering van Nederlandsch Indië. Batavia: Ter Lands Drukkerij.
- Anwar Ridzwan. 1979. *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Balai Pustaka. 1956. *Hikayat Hang Tuah*. Cetakan ke-3. Jakarta: Balai Pustaka.
- Bambang Kaswanti Purwo. 1984. *Deiksis dalam Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Bola Times Com. (20/09/2018). "Berita Boladunia: Dikartu Merah, Pelatih Valencia Bela Cristiano Ronaldo, Pelatih Valencia membela seharusnya Ronaldo tidak dikartumerah". <https://www.boladunia.com/boladunia/2018/09/20/130831/dikartu-merah-pelatih-valencia-bela-cristiano-ronaldo>
- Departemen Pendidikan dan Kebudayaan. 1983a. "Telepon-Teleponan" dlm. *Bahasa Indonesia* (bacaan 4b). Jakarta: Balai Pustaka.
- _____. 1983b. "Sepatu" dlm. *Bahasa Indonesia* (bacaan 5b). Jakarta: Balai Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 1964. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Emeis, M.G. 1945. *Vorm en Functie in Klassiek en Modern Maleisch: de verbale constructies*. Utrecht: Winters.
- _____. 1946. *Inleiding tot het Algemeen Beschaafd Maleisch*. Groningen: J.B. Wolters.
- Gonda, J., 1943. "De Zg. Hulppraedicaatswoorden in Maleis en Javaans" dlm. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* (BKI) 102, hlm. 95 – 103. Leiden: Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde. Kajian ini diperkenalkan dalam Sato (2007).
- Hollander, J.J. de. 1882. *Handleiding bij de Beoefening der Maleische Taal en Letterkunde*. 5de druk Breda: Koninklijke Akademie voor de Zee- en Landmacht.
- Laila Elok. 2018. *Okong Srikandi Sungai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marsden, William. 1812. *A Dictionary and Grammar of the Malayan Language*. London: Longman.
- Mees, C.A. 1938. *Beknopte Maleise Grammatica*. 3de druk. 's-Gravenhage: N.V.G.T. van Dorp & Co.
- _____. 1969. *Tatabahasa dan Tatakalimat*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Mochtar Lubis. 1981. *Senja di Jakarta*. (Edisi bahasa Melayu tahun 1964. Edisi bahasa Indonesia tahun 1970). Jakarta: Dunia Pustaka Jaya.
- _____. 1992. *Jalan Tak Ada Ujung*. (Edisi pertama tahun 1952, Dunia Pustaka Jaya, Jakarta). Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Ophuijsen, Ch.A. van. 1915. *Maleische Spraakkunst*. 2de druk. Leiden: S.C. Van Doesburgh.

- Pramoedya Ananta Toer. 1988. *Gadis Pantai*. Edisi Malaysia. Naskhah asalnya diterbitkan sebagai cerita bersambung dalam "Lentera"/*Bintang Timur*, Jakarta. 1962 – 1965.
- Pramoedya Ananta Toer, (ter.) Angela Rookmaaker. 1989. *Meisje van het Strand*. Diterjemahkan dari karya *Gadis Pantai*. Houten: het Wereldvenster.
- Sato, Hirobumi @ Rahmat. "Persoalan Konstruksi Pasif dan Ergatif dalam Bahasa Melayu" dlm. *Dewan Bahasa* 44 (5), hlm. 546 – 562. 2000.
- _____. "Fakta Kebahasaan dan Ragam Kerja" dlm. *Pelita Bahasa* 14 (2), hlm. 6. 2002.
- _____. 2006a. *Kajian Semula Unsur Utama Wajib dalam Ayat Bahasa Melayu*. Edisi ke-2. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 2006b. "Persoalan Ragam Kerja dan Konstruksi Ergatif Bahasa Melayu" dlm. *Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr Haji Mahmud Saedon Bin Awang Othman DALAM KENANGAN: essays in memory of vice chancellor, UBD, 1999 – 2002*, hlm. 213 – 231. Bandar Seri Begawan: Universiti Brunei Darussalam.
- _____. "Kajian Ringkas Karya J. Gonda (1943): Apa Yang Dinamakan 'Kata Predikat Bantu' dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Jawa" dlm. *Jurnal Bahasa* 11, hlm. 22 – 31. 2007.
- _____. "Ciri-Ciri Konstruksi Ergatif dalam Bahasa Melayu" dlm. *Jurnal Bahasa* 8 (1), hlm. 132 – 159. 2008.
- _____. 2009. "Bentuk Aktif Bepersona dalam Bahasa Melayu" dlm. *Segunung Budi Selautan Kenangan: Dedikasi Istimewa untuk Profesor Emeritus Dato' Dr. Asmah Hj. Omar*, hlm. 254 – 280. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- _____. "Logik dalam Kajian Tatabahasa Bahasa Melayu" dlm. *Jurnal Bahasa* 29, hlm. 56 – 73. 2013.
- Spat, C. 1920. *Maleische Taal: overzicht van de grammatical*. 5de, gewijzigde druk. Breda: de Koninklijke Militaire Academie.
- Teoh Boon Seong. "Varian Kata Terbitan Ekasuku Bahasa Melayu Yang Berimbuhan /MENG+/" dlm. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 10, hlm. 106 – 127, 2000.
- Utusan Borneo. (12/05/2018). "Berita: Sang bedal ditembak mati". <https://www.utusanborneo.com.my/2018/05/12/sang-bedal-ditembak-mati>
- Werndlij, George Hendrik. 1736. *Maleische Spraakkunst*. Amsterdam: R. en G. Wetstein.
- Windtedt, R.O., 1913, 1927. *Malay Grammar*. Oxford: the Clarendon Press.



ديوان بهاس دان فوستاك بروني
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BRUNEI
KEMENTERIAN KESUJAYAAN, BELIA DAN SUKAN

JURNAL BAHASA

ISSN 0970-1334



9 772070 131045

www.gerbangbahasa.gov.bn